

# PM umum 8 tawaran untuk rakyat

Antaranya memastikan kestabilan negara dari segi politik dan ekonomi, isu kos sara hidup, kenaikan harga barang selain mengecilkan kabinet

Oleh **NILAM NUR ATIKAH OSHMAN**  
SHAH MAM

**S**ebanyak lapan tawaran yang diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob jika Barisan Nasional (BN) dipilih menadbir kerajaan.

Beliau berkata, antaranya memastikan kestabilan negara dari segi politik dan ekonomi termasuk menyelesaikan isu kos sara hidup serta kenaikan harga barang.

“Walaupun kita tahu bahawa tahun depan, ketidaktentuan ekonomi agak tinggi melibatkan isu geopolitik di Eropah, Ukraine dan Rusia, dan ini cabaran yang perlu dihadapi tetapi kita akan memastikan negara boleh melepasi segala rintangan yang akan dihadapi tahun depan.

“Kedua, isu besar yang menjadi perbualan rakyat hari ini adalah kos sara hidup. Ini akan diberikan fokus selepas kita memenangi Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) nanti.

“Walaupun kita telah mengadakan



Ismail Sabri (tengah) memberi lapan tawaran kepada rakyat seandainya BN menang PRU15.

Jawatankuasa Jihad Perangi Inflasi dan sebagainya, tetapi kita akan menambah baik setiap kelemahan,” katanya pada bual bicara khas bersama Perdana Menteri pada Selasa.

Tambah Ismail Sabri, pihaknya juga memberi tumpuan kepada kepentingan golongan muda, belia dan wanita.

“Paling penting daripada segi ekonomi mereka dan peluang mendapatkan pekerjaan. Program Jamin Kerja kita berjaya.

“Sasaran 600,000 peluang pekerjaan untuk tahun ini dan untuk program mengurangkan pengangguran akan diteruskan walaupun kita dah capai 3.6 peratus,” ujar beliau.

Menurutnya, dari segi kerajaan ini pula, beliau akan cuba mengecilkan kabinet selepas ramai mempersoalkan ia terlalu besar.

“Tetapi saya memerlukan kabinet yang kuat, merangkumi kepelbagaian kepakaran, dan saya jadinya sebagai panduan untuk membentuk kabinet nanti. Bukan sahaja terdiri daripada ahli politik tetapi dari segi teknokrat akan turut dimasukkan,” jelasnya.

Selain itu, beliau berkata, agensi dan jabatan kerajaan akan turut diperkasakan bagi menangani kerenah birokrasi.

“Banyak rungutan tentang kerenah birokrasi yang melampau dalam jabatan kerajaan. Kadangkala ini menghindarkan

kemasukan pelabur asing ke negara kita.

“Jika dibandingkan dengan negara lain, setiap kelulusan itu terpaksa menunggu lama (di negara kita). Kerenah birokrasi ini perlu diberikan fokus.

“Dasar luar kita juga mesti diubah. Ini kerana kehadiran Malaysia di luar negara dengan dasar luarnya amat dirasai suatu ketika dahulu.

“Kita perlu dilihat lebih terlibat dan kehadiran dalam memperjuangkan isu besar (perlu) yang dirasai oleh dunia,” katanya.

Calon BN bagi Parlimen Bera itu berkata, perancangan pembasmian kemiskinan dan merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar akan diteruskan.

“Dalam pembasmian kemiskinan. *Its not cliché* (ia bukanlah klise), memang perkara ini perlu diperjuangkan. Dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12), kita akan hapuskan miskin tegar pada 2025, perkara-perkara (berkaitan) kemiskinan ini mesti diteruskan dan merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar juga mesti diteruskan. Begitu juga dengan merapatkan jurang antara wilayah.

“Sebab itulah saya akan fokus kepada pembangunan Sabah dan Sarawak dari segi pembangunan infrastruktur, meningkatkan ekonomi dalam kalangan rakyat Sabah dan Sarawak.

“Seperti yang kita janjikan, layanan terhadap Sabah dan Sarawak adalah sama sahaja seperti di Semenanjung. Malah dari segi tumpuan kepada pembangunan infra dan sebagainya akan kita utamakan dan memberikan kelebihan kepada Sabah dan Sarawak,” ujar beliau.